

# UNSUR KESANTUNAN DALAM TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN

Nasimah Abdullah  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Lubna Abd. Rahman  
*Universiti Sains Islam Malaysia*

Norfazila Ab. Hamid  
Murni Syakirah Musa  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## ABSTRAK

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terjemahan Abdullah Basmeih merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang sangat popular dan telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2013. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca. Penulisan ini bertujuan mengkaji unsur kesantunan yang terdapat dalam kaedah terjemahan yang digunakan oleh Abdullah Basmeih terutamanya dalam menterjemahkan kata ganti nama diri daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan memilih beberapa ayat al-Quran sebagai sampel kajian. Berdasarkan beberapa contoh ayat yang diteliti, kajian ini mendapati bahawa Abdullah Basmeih amat meraikan unsur kesopanan dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi dialog antara ahli keluarga kerana beliau menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu. Ini sekaligus membuktikan bahawa beliau mengambilkira konteks dan peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu semasa menterjemahkan al-Quran ke bahasa Melayu.*

**Kata Kunci:** *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman; al-Quran; kesantunan; sosiolinguistik; Melayu*

## PENDAHULUAN

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang sangat popular dan telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2013. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca.

Terjemahan ini telah diusahakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Beliau telah menterjemahkan 30 juzuk al-Quran ke bahasa Melayu. Kemudian hasil terjemahan beliau telah disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim bekas Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Pada tahun 1980, cetakan pertama dalam tulisan rumi telah diterbitkan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih ini telah diulang cetak beberapa kali iaitu pada tahun 1982, 1985, 1987, 1988, 1992, 1995, 1998, 1999, 2000, 2001 dan cetakan terakhir adalah pada tahun 2010.

Penulisan ini bertujuan mengkaji unsur kesantunan yang terdapat dalam kaedah terjemahan yang digunakan oleh Abdullah Basmeih terutamanya dalam menterjemahkan kata ganti nama diri daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dengan memilih beberapa ayat al-Quran sebagai sampel kajian.

### **PERATURAN SOSIOLINGUISTIK DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Peraturan penggunaan bahasa boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik (Awang Sariyan: 2007: 3). Kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan-peraturan sosiolinguistik yang terdapat dalam bahasa masyarakatnya menjadi ukuran kepada kesantunan berbahasa. Kata panggilan kekeluargaan adalah termasuk dalam peraturan sosiolinguistik.

Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sosiolinguistik kepada “penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”. Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa.

Penggunaan kata ganti nama dalam bahasa Melayu adalah berbeza mengikut taraf sosial para pengguna bahasa yang terlibat dalam peristiwa bahasa, hubungan antara manusia, keadaan persekitaran peristiwa bahasa dan tajuk yang diperkatakan (Asmah Omar: 89). Kata ganti nama ada yang berbentuk halus dan ada yang berbentuk kasar (Nik Safiah Karim 1981: 103). Dalam peraturan sosiolinguistik Melayu, kata ganti nama diri kadang-kadang diganti dengan kata panggilan kekeluargaan jika melibatkan konteks interaksi antara ahli keluarga. Oleh itu, penterjemah perlu peka dengan penggunaan kata panggilan keluarga dalam menterjemahkan kata ganti nama supaya pembaca dapat memahami maksud ayat mengikut konteks yang betul.

Kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia. Kata ganti nama diri orang terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu 1) kata ganti nama diri orang pertama, 2) kata ganti nama diri orang kedua, dan 3) kata ganti nama diri orang ketiga (Tatabahasa Dewan: 103). Kesemua jenis kata ganti nama diri tersebut digunakan mengikut konteks yang berbeza pada peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu.

### **HUBUNGAN KATA GANTI NAMA DIRI DENGAN KATA PANGGILAN KEKELUARGAAN**

Sistem panggilan merupakan unsur bahasa yang ada pada setiap bahasa di dunia tetapi fungsi dan peranannya mungkin lebih menonjol dalam sesetengah bahasa berbanding bahasa yang lain. Sistem panggilan merupakan unsur penting dalam berkomunikasi bagi masyarakat Melayu untuk menggambarkan cara menghormati seseorang.

Antara sistem panggilan dalam peraturan sosiolinguistik Melayu adalah kata panggilan kekeluargaan dan kata panggilan bangsawan. Dalam bahasa Melayu, kata panggilan menunjukkan kehalusan bahasa dan budaya masyarakat Melayu yang berteraskan adab dan akhlak. Penggunaan kata panggilan yang betul ditentukan oleh jarak sosial antara individu-individu yang terlibat dalam wacana tersebut. Dengan erti kata lain, penggunaan kata panggilan dianggap menepati konteks dengan merujuk kepada jarak sosial antara dua pihak

yang berinteraksi. Terdapat kepelbagaian konteks yang akan menentukan kepelbagaian penggunaan kata panggilan.

Kata panggilan kekeluargaan didefinisikan kepada “kata yang menggantikan nama yang digunakan kepada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan kedudukan dalam keluarga”. (Nor Hashimah Jalaluddin et al 2005: 17). Penggunaan kata panggilan keluarga melambangkan kehormatan, keamatan dan kesopanan (Nik Safiah Karim 1981: 106-107). Ia perlu diterjemahkan dengan betul daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu agar boleh menggambarkan tanda hormat seorang yang lebih rendah tarafnya kepada orang yang lebih tinggi taraf atau status kekeluargaannya. Contohnya seorang anak saudara perlu menyapa ayah saudara atau ibu saudara dengan panggilan pakcik atau makcik, bukan dengan panggilan nama sebagai tanda hormat.

Dari segi sistem panggilan yang menggunakan kata ganti nama diri, kadang-kadang terdapat masalah pada padanan terjemahan harfiah Arab-Melayu dari sudut sintaksis kerana kata ganti nama diri orang pertama atau kedua boleh berubah apabila suasana dan keadaannya berubah seperti “engkau” berubah menjadi “tuan hamba” (Amat Juhari Moain 1989: 75).

## ANALISA DAN PERBINCANGAN

Kertas kerja ini hanya akan menganalisa penggunaan kata panggilan kekeluargaan oleh Abdullah Basmeih dalam menterjemahkan kata ganti nama diri Arab. Kategori yang dianalisis ialah kata panggilan antara anak dengan ayah iaitu hubungan dari bawah ke atas. Semua kata panggilan kekeluargaan dan kata ganti nama yang dianalisa dihitamkan.

### 1- Dialog Nabi Ibrahim dengan ayahandanya.

Jadual 1: Surah Maryam (19) : 42

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
قوله تعالى: {إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا}	Tatkala ia berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku, mengapa <b>ayah</b> menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolong <b>mu</b> sedikit pun?”

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di Jadual 1 di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada (ayah) dan (mu). Terjemahan harfiah untuk frasa (لم تعبد) adalah tidak sepadan kerana kata ganti nama dalam teks asal diterjemahkan tidak sejajar dengan peraturan sintaksis bahasa Melayu. Penulis dapati Abdullah Basmeih menggunakan kata panggilan “ayah” untuk menterjemahkan (لم تعبد) menggantikan “engkau”. Penggunaan kata panggilan “ayah” boleh dianggap sebagai tanda hormat seorang anak terhadap ayahnya. Cuma penulis berpandangan kata ganti (mu) yang digunakan tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat

Melayu dalam komunikasi antara anak dan ayah. Ia kelihatan agak kasar dalam norma masyarakat Melayu.

Jadual 2: Surah Maryam (19) : 44

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
<p>قوله تعالى: {يَتَأْتِي لَّا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا}</p>	<p>“Wahai ayahku, janganlah <b>ayah</b> menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya.”</p>

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di Jadual 2 di atas adalah antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada (ayah). Terjemahan harfiah adalah tidak sepadan kerana kata ganti nama dalam teks asal diterjemahkan tidak sejajar dengan peraturan sintaksis bahasa Melayu. Penulis dapati Abdullah Basmeih menggunakan kata panggilan “ayah” untuk menterjemahkan (لا تعبد) menggantikan “engkau” dan “kamu”. Penggunaan kata panggilan “ayah” boleh menggambarkan tanda hormat seorang anak terhadap ayahnya.

Jadual 3: Surah Maryam (19) : 45

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
<p>قوله تعالى: {يَتَأْتِي إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا}</p>	<p>“Wahai ayahku, sesungguhnya <b>aku</b> bimbang bahawa <b>ayah</b> akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahmaan disebabkan <b>ayah</b> menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah <b>ayah</b> rakan bagi Syaitan di dalam neraka.”</p>

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di Jadual 3 di atas adalah antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada (aku) dan (ayah). Tiada masalah yang timbul pada terjemahan harfiah (أخاف) kepada (aku bimbang) kerana wujudnya kesepadanan antara peraturan sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab. Cuma penulis merasakan bahawa penggunaan kata ganti nama diri (aku) tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu kerana dialog ini berlangsung antara anak dan ayah. Walaupun begitu, penulis dapati terjemahan Abdullah Basmeih adalah sopan bila beliau menggunakan kata panggilan “ayah” menggantikan “engkau” dan “kamu”. Penggunaan kata panggilan “ayah” boleh dianggap sebagai tanda hormat seorang anak terhadap ayahnya. Penulis juga merasakan bahawa kata ganti nama pertama tunggal “aku” yang diguna dalam teks terjemahan di atas perlu diubah ke “saya” yang kelihatan lebih bersifat neutral dan sesuai dengan konteks interaksi antara anak dan ayah.

## 2- Dialog Nabi Ismail dengan ayahandanya Nabi Ibrahim.

Jadual 4: Surah al-Saaffat (37) : 102

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
قوله تعالى: {فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنِيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْخُكَ فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَى <sup>ج</sup> قَالَ يَتَأْتٍ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ <sup>ط</sup> سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ الصَّابِرِينَ}	Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya <b>aku</b> melihat dalam mimpi bahawa <b>aku</b> akan menyembelih <b>mu</b> ; maka fikirkanlah apa pendapat <b>mu</b> ?” Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah, <b>ayah</b> akan mendapati <b>daku</b> dari orang-orang yang sabar.”

Jarak sosial yang terdapat dalam ayat di Jadual 4 di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada (ayah), (aku), (mu), dan (daku). Terjemahan harfiah adalah sepadan kerana setiap kata ganti nama dalam teks asal diterjemahkan sejajar dengan peraturan sintaksis bahasa Melayu. Cuma penulis berpandangan penggunaan kata ganti nama diri (aku) dan (mu) oleh Abdullah Basmeih tidak sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu kerana kelihatan agak kasar. Walaupun begitu, Abdullah Basmeih cuba menyesuaikan penggunaan kata ganti nama diri pada perkataan (ستجدني) kepada kata panggilan kekeluargaan iaitu (ayah). Penulis berpandangan bahawa kata ganti nama pertama tunggal (aku) yang diguna oleh Abdullah Basmeih perlu diubah ke (ayah) yang kelihatan lebih sesuai dengan konteks interaksi antara anak dan ayah.

## 3- Dialog anakanda-anakanda Nabi Yaakob dengan baginda.

Jadual 5: Surah Yusuf (12) : 11

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
قوله تعالى: {قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْمَنَّا عَلَى يُوسُفَ وَإِنَّا لَهُ لَنَصِحُونَ}	Mereka pun (pergi berjumpa dengan bapa mereka lalu) berkata: “Wahai ayah kami! Mengapa <b>ayah</b> tidak percaya kepada <b>kami</b> tentang Yusuf, padahal sesungguhnya <b>kami</b> sentiasa tulus ikhlas mengambil berat kepadanya?”

## Jadual 6: Surah Yusuf (12) : 17

Ayat al-Quran	Terjemahan Abdullah Basmeih
قوله تعالى: {قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا ذَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتَعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ }	Mereka berkata: “Wahai ayah kami! Sesungguhnya <b>kami</b> telah pergi berlumba-lumba berburu dan <b>kami</b> telah tinggalkan Yusuf menjaga barang- barang <b>kami</b> , lalu ia dimakan oleh serigala; dan sudah tentu <b>ayah</b> tidak akan percaya kepada kata-kata <b>kami</b> ini, sekalipun <b>kami</b> adalah orang-orang yang benar.”

Jarak sosial yang terdapat dalam dua ayat di Jadual 5 dan Jadual 6 di atas adalah hubungan dari bawah ke atas iaitu antara anak dengan bapa. Jarak tersebut diterjemahkan kepada (ayah) dan (kami). Penulis dapati terjemahan Abdullah Basmeih nampak sopan bila beliau menggunakan kata panggilan “ayah” untuk menterjemahkan (ما لك لا تأمنا) menggantikan “engkau”. Begitu juga penggunaan kata ganti nama diri “kami” yang merujuk kepada status anak yang digunakan oleh Abdullah Basmeih adalah sesuai dengan konteks kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu.

### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan beberapa contoh ayat yang diteliti, kajian ini mendapati bahawa Abdullah Basmeih amat meraikan unsur kesopanan dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi dialog antara ahli keluarga kerana beliau menterjemahkan kata ganti nama diri Arab kepada kata panggilan kekeluargaan dalam bahasa Melayu khususnya kata panggilan seorang anak terhadap ayahnya. Ini sekaligus membuktikan bahawa beliau mengambilkira konteks dan peraturan sosiolinguistik masyarakat Melayu semasa menterjemahkan al-Quran ke bahasa Melayu.

### RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2001). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cetakan 12.
- Amat Juhari Moain. 1989. Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. Santun Berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2005. Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.